

19/01/2003

Chor tidak mahu ramal bakal pengganti Dr Ling

Hassan Omar

ALOR STAR: Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung tidak mahu membuat spekulasi berhubung ura-ura Team A dalam MCA ingin menamakannya sebagai pengganti Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sebaliknya, beliau berkata, MCA mempunyai ramai lagi pemimpin yang mampu diketengahkan sebagai pengganti Dr Ling jika peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan, diterima Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin, Perdana Menteri tidak akan menerima peletakan jawatan Dr Ling berdasarkan prestasi cemerlang yang dipamerkan Dr Ling sepanjang perkhidmatannya.

"Saya tidak mahu membuat spekulasi. Soal sama ada Perdana Menteri akan menerima peletakan jawatan itu atau sebaliknya, belum berlaku lagi.

"Tidak elok saya menyatakan pendirian saya jika peletakan jawatan Dr Ling diterima oleh Dr Mahathir," katanya selepas menyampaikan bantuan wang kepada masyarakat miskin sumbangan Sport Toto, di sini semalam.

Chor yang juga ahli jawatankuasa pusat MCA berkata, beliau tidak tahu menahu ura-ura yang menyebut beliau atau Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh dinamakan Team A sebagai pengganti Dr Ling.

"Saya tidak diberitahu mengenai perkara ini. Saya percaya ketika ini, tidak ada sesiapa yang dicalonkan oleh pihak dalam MCA untuk menggantikan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan," katanya.

Muka depan Berita Harian 11 Januari lalu menyiarkan laporan dua puak yang bertelagah dalam MCA dikatakan sudah mempunyai nama calon untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri bagi menggantikan Dr Ling jika beliau benar-benar ingin berundur.

Menurut laporan yang memetik sumber Team B itu, kumpulan berkenaan yang diketuai Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek dikatakan akan mencadangkan nama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy bagi mengisi kekosongan kuota menteri penuh bagi MCA itu.

Satu lagi pilihan ialah mencadangkan nama Ah Lek sendiri untuk menggantikan Dr Ling dalam Kabinet dengan melantik bekas Menteri Sumber Manusia itu sebagai senator kerana beliau bukan lagi Ahli Parlimen.

Team A yang diketuai Dr Ling pula dikatakan mahu Chew Peh atau Chee Heung sebagai pengganti Dr Ling.

Sumber itu dilaporkan berkata, inilah masanya bagi Dr Ling menunaikan janji yang dibuatnya selepas mesyuarat agung MCA pada 1996 bahawa Chan akan dicadangkan menjadi menteri penuh jika ada kekosongan.